

**TEKS UCAPAN Y.BHG. LT. KOL. PROFESOR DATUK DR. KAMARUZAMAN
HJ. AMPON, NAIB CANSELOR UMS
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PESTA KONVOKESYEN
UMS-KAL KE 10, PADA 17 OGOS 2008**

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam
sejahtera.*

Terima kasih Pengacara Majlis,

*Y.Bhg. Prof. Dr. Sanudin Hj. Tahir,
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),*

*Y.Bhg. Prof. Dr. Rosnah Ismail,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),*

Y.Bhg. Prof Dr. Syed Azizi Wafa, Pengarah Kampus, UMS-KAL,

Y.Berusaha Pegawai-Pegawai Utama UMS,

*Dekan-Dekan, Para Pensyarah serta Kakitangan UMS-KAL,
Tuan-tuan/ Puan-puan, hadirin, bakal graduan dan para pelajar
yang dikasihi sekalian,*

Alhamdulillah, dengan izin dan inayah Allah S.W.T kita dapat berhimpun di Majlis Perasmian Penutupan Pesta Konvokesyen UMS Kampus Antarabangsa Labuan kali ke 10 pada malam ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Pengelola kerana berjaya menganjurkan Pesta Konvo UMS-KAL pada kali ini dengan jayanya.

Majlis yang dianjurkan saban tahun ini merupakan suatu program yang lazimnya diadakan sebagai meraikan bakal graduan UMSKal setiap tahun. Pesta Konvokesyen UMSKal telah pun sampai ke kemuncaknya pada malam ini iaitu di Majlis Penutupan Pesta Konvokesyen UMSKal ke 10. Selain, memeriahkan lagi semangat konvokesyen di kalangan bakal graduan dan ahli keluarga, pesta yang dilangsungkan berupaya meningkatkan lagi hubungan integrasi masyarakat Malaysia. Malah manfaat itu dirasai sama oleh masyarakat Labuan, semua kakitangan, para pelajar dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung.

Dengan adanya pengisian program sepanjang pesta konvo kali ini dapat menjadi platform dalam mencapai falsafah dan misi Universiti secara langsung demi kecemerlangan institusi pengajian tinggi secara amnya.

Hadirin Sekalian,

Usaha UMSKal wajar dibanggakan kerana berinisiatif mengadakan Pesta Konvo walaupun pesta seumpama ini turut diadakan di kampus induk Kota Kinabalu. Tujuannya ialah agar sentiasa berlaku suatu proses menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat tempatan khususnya bahawa di laman Pulau Labuan ini, kerajaan turut prihatin dengan kepentingan

pendidikan di kalangan rakyat. Justeru itu, institusi ilmu seperti UMS adalah sebagai suatu legasi ilmu yang berkembang bersama dengan kemajuan dan kemashyuran Pulau Labuan sepanjang masa.

Apa yang penting adalah agar kakitangan UMS khususnya dan mahasiswa mahasiswi UMS sentiasa komited dalam menjayakan sesuatu majlis. Saiz dan bilangan sesuatu jawatankuasa tidak menentukan kejayaan penganjuran sesuatu majlis, sebaliknya kesedaran akan tanggungjawab masing-masinglah yang menjadi kayu pengukurnya.

Penglibatan para pelajar adalah amat penting kerana ianya secara tidak langsung akan membina sifat kepimpinan yang sedia ada dalam diri mereka. Pengalaman yang diperolehi dapat dimanfaatkan dan diaplikasikan apabila menceburi bidang pekerjaan kelak. Pada masa yang sama sokongan daripada semua lapisan masyarakat juga amatlah diharapkan untuk membolehkan Universiti mencapai objektifnya yang asal iaitu ianya ditubuhkan atas dasar memenuhi aspirasi rakyat dan untuk kepentingan rakyat.

Hadirin Sekalian,

Pada majlis ini saya juga ingin menyampaikan pesanan kepada bakal-bakal graduan agar apabila telah bergelar graduan kelak, janganlah terus bercuti panjang, hingga tidak kisah untuk mencari pekerjaan atau menjadi usahawan. Dalam dunia globalisasi, pekerjaan tidak mencari anda, usaha untuk mencari wang atau hasil pendapatan memerlukan kreativiti selain daripada ilmu yang dimiliki. Jadilah usahawan yang berazam untuk berjaya dan tidak semata-mata tertumpu kepada pekerjaan makan gaji. Bagi yang ingin melanjutkan pengajian, teruskan! Jangan ditunggu selagi minat masih membara.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat samaada

secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Pesta Konvokesyen UMS Kampus Antarabangsa Labuan kali ke 10 ini dengan jayanya.

Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Majlis Penutupan Pesta Konvokesyen UMS Kampus Antarabangsa Labuan 2008 kali ke 10 pada tahun ini.

Sekian, Wassalamualaikum wbt. Terima kasih.

Telah diedit dan disemak oleh jdBPK berdasarkan draf dari pihak penganjur